



TEMA : POLITEKNIK MERLIMAU MELAKA

Perkara : INFO SEMASA PMM

TAJUK ARTIKEL : PEMANSUHAN AUKU LANGKAH PROGRESIF, TADBIR URUS UNIVERSITI TETAP TERJAMIN - PAKAR

SUMBER : BERNAMA - 15 OGOS 2026

Pemansuhan AUKU Langkah Progresif, Tadbir Urus Universiti Tetap Terjamin – Pakar

🕒 15/08/2026 09:33 PM



-- Gambar hiasan

KUALA LUMPUR, 15 Ogos (Bernama) -- Langkah kerajaan memansuhkan Akta Universiti dan Kolej Universiti (AUKU) 1971 merupakan perubahan dasar yang progresif ke arah memenuhi keperluan pendidikan tinggi berasaskan perkembangan semasa dan globalisasi.

Pensyarah Kanan Fakulti Pendidikan Universiti Malaya Profesor Madya Dr Abd Razak Zakaria berkata pemansuhan itu bukanlah satu bentuk pembatalan fungsi perundangan universiti secara mutlak sebaliknya satu proses pemurnian bagi mewujudkan kerangka undang-undang baharu yang lebih komprehensif dan efektif.

Beliau berkata penglibatan politik dan ruang berorganisasi mahasiswa hanyalah sebahagian kecil daripada aspek yang terkandung dalam AUKU manakala struktur utama pentadbiran universiti akan kekal terjamin.



TEMA : POLITEKNIK MERLIMAU MELAKA

Perkara : INFO SEMASA PMM

TAJUK ARTIKEL : PEMANSUHAN AUKU LANGKAH PROGRESIF, TADBIR URUS UNIVERSITI TETAP TERJAMIN - PAKAR

SUMBER : BERNAMA - 15 OGOS 2026

"Pemansuhan AUKU tidak bererti universiti hilang autonomi atau punca kuasa dalam tadbir urus... perkara utama seperti pelantikan kepimpinan utama, kewangan, kuasa Senat dan Lembaga Pengarah serta kebebasan akademik akan terus diterjemahkan menerusi akta baharu yang telah dimurnikan.

"Pendekatan memansuhkan AUKU berbanding sekadar pindaan berkala membolehkan negara menyediakan ruang lebih luas untuk melahirkan generasi muda yang berdaya saing dan berjiwa kepimpinan," katanya kepada Bernama ketika mengulas kenyataan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim hari ini mengenai perancangan memansuhkan akta itu dan akan merujuknya ke mesyuarat Kabinet Rabu depan.

Pensyarah Kanan Fakulti Komunikasi dan Pengajian Media Universiti Teknologi MARA (UiTM) Ahmad Faisal Mohamed Fiah pula menyifatkan pindaan AUKU sebelum ini sebagai pemangkin utama dalam memperkasakan peranan mahasiswa, meningkatkan inovasi pemikiran dan memberi ruang demokrasi yang lebih luas di peringkat pengajian tinggi.

Bekas Ahli Jawatankuasa Induk Pindaan AUKU (2021-2023) itu berkata langkah kerajaan akan memansuhkan sepenuhnya akta berkenaan berbanding melakukan pindaan, iaitu satu keputusan pragmatik yang membolehkan golongan mahasiswa membina kematangan sendiri secara proaktif.

"Pindaan terbaru sebelum ini membenarkan pelajar atau mahasiswa terlibat dengan gerakan atau parti politik... jadi, itu sahaja sudah menunjukkan bahawa AUKU telah diliberalisasikan dan memberi kelonggaran serta kebebasan kepada mahasiswa... hakikatnya, AUKU tidak pernah menyekat secara total," katanya.

Sebelum ini, AUKU dipinda sebanyak tujuh kali sejak ia diperkenal pada 1971, dengan pindaan pada 2012 membenarkan mahasiswa menyertai kegiatan anjuran parti politik di luar kampus.

AUKU turut dipinda pada 1971, 1975, 1983, 1996 dan 2009.

Pindaan terbaru pada 2024 menyaksikan tindakan tatatertib terhadap pelajar di universiti awam tidak lagi tertakluk kepada kuasa Naib Canselor sebaliknya diputuskan oleh Jawatankuasa Tatatertib Pelajar menerusi pindaan Seksyen 16B AUKU.

Selain itu, penambahbaikan Seksyen 15A AUKU membenarkan Majlis Perwakilan Pelajar dan badan pelajar memungut wang serta menerima sumbangan dalam apa-apa cara, tertakluk kepada peraturan dan undang-undang bertulis yang sedang berkuat kuasa.



TEMA : POLITEKNIK MERLIMAU MELAKA

Perkara : INFO SEMASA PMM

TAJUK ARTIKEL : PEMANSUHAN AUKU LANGKAH PROGRESIF, TADBIR URUS UNIVERSITI TETAP TERJAMIN - PAKAR

SUMBER : BERNAMA - 15 OGOS 2026

Sementara itu, Presiden Kesatuan Mahasiswa UM sesi 2025/2026 Aiman Izzat Shamsuddin berharap kerajaan menyertakan garis masa pelaksanaan yang jelas dan telus bagi mengelakkan sebarang kelompangan perundangan sepanjang proses penukaran undang-undang berkenaan.

"Kami menyambut baik langkah pemansuhan ini namun berharap kerajaan menetapkan tarikh sasaran yang spesifik dan memastikan akta baharu tidak mengandungi sekatan 'cabut dan tampal' yang boleh mengekang semula kebebasan bersuara serta hak berhimpun mahasiswa," katanya.

Dalam pada itu, UiTM menyambut baik usaha kerajaan membangunkan kerangka perundangan pendidikan tinggi yang lebih komprehensif, progresif dan berdaya-hadapan melalui Rancangan Pendidikan Tinggi Malaysia 2026-2035.

Naib Canselor UiTM Profesor Datuk Dr Shahrin Sahib @ Sahibuddin berkata pihaknya sedia menjalinkan kerjasama rapat dengan Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) dan semua pihak berkaitan dalam memastikan sebarang pembaharuan kepada kerangka perundangan pendidikan tinggi termasuk yang mempunyai implikasi kepada Akta UiTM 1976 [Akta 173].

Beliau berkata UiTM mempunyai kedudukan perundangan tersendiri kerana ia tidak tertakluk kepada AUKU seperti kebanyakan universiti awam lain sebaliknya ditubuh dan ditadbir melalui Akta 173.

"Bagaimanapun, terdapat beberapa prinsip dan peruntukan dalam Akta 173 yang mempunyai persamaan dari segi kerangka tadbir urus dengan perundangan universiti awam yang lain... justeru, sebarang pembaharuan menyeluruh terhadap ekosistem perundangan pendidikan tinggi wajar turut dilihat daripada perspektif kesesuaian dan keperluan UiTM," menurutnya dalam kenyataan hari ini.

Untuk itu, Shahrin berkata UiTM menyokong hasrat KPT untuk memastikan kerangka perundangan pendidikan tinggi negara sentiasa relevan, progresif dan mampu menjawab keperluan semasa serta masa hadapan selain bersedia memberikan pandangan dan kepakaran dalam proses libat urus yang akan dilaksanakan.

"Sebarang penambahbaikan terhadap kerangka perundangan UiTM perlu dilakukan secara teliti dan menyeluruh dengan mengambil kira identiti, sejarah, mandat serta tanggungjawab khusus universiti di samping memastikan tadbir urus, autonomi institusi, kecemerlangan akademik dan pembangunan mahasiswa terus diperkasakan," katanya.

-- BERNAMA